


► Tatabahasa

Isi tempat kosong dengan kata adjektif yang paling sesuai. **SP 5.1.2**

panjang	muda	besar	luas
buruk	wangi	hamis	kuat
bersih	enak	tebal	baik



Angsa ialah haiwan yang mirip dengan itik tetapi saiznya lebih (1) _____. Angsa tidak suka tinggal di dalam reban, sebaliknya lebih suka berkeliaran di kawasan yang (2) _____ dan terbuka.

Angsa termasuk haiwan yang (3) _____ makan dan cepat membesar. Makanan angsa termasuklah dedak, sayur, hampas soya, batang pisang (4) _____, dan rumput.

Kotak (5) _____ yang dialas dengan rumput yang (6) _____ digunakan sebagai tempat untuk angsa bertelur. Tempoh pengeraman telur angsa agak (7) _____, iaitu antara 29 hingga 30 hari. Suhu yang paling (8) _____ untuk menyimpan telur angsa pula adalah antara tujuh hingga 13 darjah celsius.

Daging angsa dapat diolah menjadi pelbagai jenis masakan yang (9) _____ seperti rondang, gulai, dan percik. Sebelum dimasak, daging angsa hendaklah dicuci dengan (10) _____nya untuk menghilangkan bau (11) _____ daging. Penggunaan rempah-ratus tertentu dapat menghilangkan bau hamis daging angsa dan menjadikan bau masakan lebih (12) _____.

Nota Tatabahasa

- Kata adjektif ialah kata yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu kata nama atau frasa nama.
- Kata adjektif jarak menerangkan konsep ruang antara dua benda atau keadaan.
- Kata adjektif pancaindera menerangkan konsep rasa, bau, dengar, pandang, dan sentuh.
- Kata adjektif ukuran menerangkan ukuran.
- Kata adjektif sifatan menerangkan sifat atau keadaan.
- Kata adjektif dan contoh:

Kata Adjektif Jarak	dekat, hampir, jauh, rapat, renggang
Kata Adjektif Pancaindera	bersih, buruk, busuk, enak, hamis, wangi
Kata Adjektif Ukuran	besar, luas, panjang, tebal
Kata Adjektif Sifatan	baik, kuat, muda